

menyaji perancangan bagi merencanakan Atlas itu yang merangkumi data seperti bilangan penduduk, jumlah usahawan, kemudahan, perkhidmatan dan lain-lain dalam Wilayah NCER bagi program pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10)

Beliau yang dilantik sebagai Profesor Adjung UUM selama dua tahun mulai Oktober ini hingga 2012 juga berharap dengan jalinan hubungan ini akan juga memberi kesan-kesan limpahan koridor utara ini kepada komuniti dan masyarakat di kawasan ini.

Sementara itu Naib Canselor UUM Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak ketika ditemui berkata, jalinan kerjasama sebagai rakan strategik antara NCRC dan NCIA ini akan menumpukan kepada program persidangan, seminar dan penyelidikan yang membolehkan kepakaran dari kedua belah pihak dikongsi bersama baik diperingkat kebangsaan atau antarabangsa.

Dalam pada itu Pengarah NCRC Prof Madya Dr. Rohana Yusof ketika ditemui berkata, kewujudan NCRC ini ialah sebagai sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan perundingan.

Selain itu ia juga berperanan sebagai penyokong kepada pelaksanaan program pembangunan NCER yang merealisasikan dengan keupayaan UUM yang mempunyai tenaga pakar sebagai penyelidik dan perunding untuk membantu pencapaian NCER sekaligus dapat membantu meningkatkan pencapaian universiti ini ke arah Universiti Pengurusan Terkemuka.

Habis.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT